

Bantu nelayan buat perancangan

Sinar Harian 14/3/2018 m/s 22

Bagi hadapi arahan pemansuhan lesen bot pukat tunda kelas

B

NURUL ZAILA MOHD TAHIR

DUNGUN

Nelayan bot pukat tunda kelas B akan dibantu sekiranya kerajaan mengambil keputusan untuk memansuhkan lesen kelas terbabit pada 2020 nanti.

Pegawai Pembangunan Dungun, Datuk Din Adam berkata, kerajaan negeri telah memikirkan beberapa kaedah dan alternatif yang dirasakan boleh membantu pengusahaan bot terbabit.

Menurutnya, antara perancangan dibuat ialah menaik taraf kelas bot mereka kepada kelas C termasuk mengalihkan mereka menceburi diri dalam bidang ternakan ikan.

"Kita sedar apabila lesen B dimansuhkan, pengusaha gagal men-



Antara yang hadir di program ramah mesra bersama nelayan di pekarangan Pejabat Perikanan Dungun.

jual bot mereka kerana tiada yang berminat dan sudah tentu mereka akan kehilangan pendapatan untuk menara keluarga.

"Bagi pengusaha yang mampu, kita bantu mereka naik taraf kepada lesen bot kelas C dan melalui kelas itu mereka dapat pergi lebih jauh menangkap ikan dengan pendapatan yang lebih lumayan," katanya

ketika program ramah mesra bersama nelayan di pekarangan Pejabat Perikanan Dungun, baru-baru ini.

Hadir sama, Pengerusi Penyelaras Dun Sura, Datuk Zainun Abu Bakar.

Di Terengganu, terdapat kira-kira 150 nelayan yang mengusahakan bot pukat tunda kelas B dan mereka diminta bersiap sedia meng-

hadapi sebarang arahan pemansuhan itu.

Din berkata, pelbagai langkah lain juga boleh dilakukan untuk membantu termasuk menukarkan lesen mereka kepada lesen membawa pelancong memancing atau sebagainya.

"Mereka boleh mencuba kerja lain yang diyakini boleh me-

nyumbang pendapatan.

"Bagi yang berminat mengusahakan bidang ternakan ikan, kita akan bantu mereka mengusahakan ternakan ikan kerapu yang kini mampu mencapai pendapatan yang memberangsangkan," katanya.

Sementara itu, Pengarah Perikanan negeri, Zawawi Ali meminta semua Pejabat Perikanan daerah mengkaji dan membantu nelayan pukat tunda kelas B untuk membuat perancangan supaya mereka tidak kehilangan punca rezeki sebaik sahaja arahan pemansuhan dikeluarkan.

"Sebelum undang-undang itu dibuat, kita kena bantu mereka menangani masalah ini.

"Pejabat Perikanan di setiap daerah harus kendalikan supaya mereka tidak terkejut contohnya di Dungun kita ada 15 orang dan mereka perlu buat persiapan," katanya.

Sempena majlis itu, sebanyak RM. 9,000 disumbangkan oleh Pejabat Pembangunan Parlimen Dungun dan Pejabat Penyelaras Dun kepada Persatuan nelayan daerah Dungun.